

Ejen umrah ghaib, RM92,490 lesap

10 rakan sedar ditipu apabila syarikat tutup operasi setelah tunda tarikh ke Tanah Suci

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
bhnews@bh.com.my

Kluang: Sepuluh rakan baik terpaksa melupakan hasrat menuaikan umrah bersama, selepas syarikat yang sepatutnya menguruskan perjalanan mereka 'ghaib' bersama wang sebanyak RM92,490.

Mangsa yang terdiri daripada pasangan suami isteri itu, membuat bayaran menerusi pindahan wang dalam talian kepada akaun syarikat yang beralamat di Putrajaya itu.

Seorang daripada mangsa yang juga pesakit buah pinggang, Rosman Harun, 56, berkata beliau membayar RM24,170 bagi pakej umrah untuk tiga orang ter-



Se puluh rakan membuat laporan ditipu syarikat kendali umrah di Ibu Pejabat Polis Daerah Kluang, semalam.

masuk ibunya.

Katanya, wang berkenaan diperoleh melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) miliknya yang disimpan sejak 2017.

"Saya percaya dengan pakej umrah itu disebabkan seorang daripada kami pernah menunaikan umrah melalui syarikat berkenaan

pada 13 Februari 2022.

"Saya tengok perjalannya cantik dan tiada masalah. Atas sebab itu saya terus membayarnya sebanyak dua kali iaitu RM15,000 pada 27 Disember 2022 dan RM9,170 pada 7 Mac 2023," katanya ketika ditemui semalam.

Rosman berkata, tarikh asal

untuk terbang ke Arab Saudi sepatutnya pada 15 Mei 2023, namun diubah kepada 8 November 2023.

"Namun, selepas itu pertanyaan saya tak pernah dijawab dan semakin hari saya semakin bimbang kerana melihat ramai lagi mangsa yang tertipu di

media sosial.

"Saya hadir ke pejabat mereka di Putrajaya dan melihat berpuluhan-puluhan jemaah yang mengalami nasib sama dan pejabat mereka sudah ditutup," katanya.

Menabung sejak tujuh tahun

Seorang pengurus kilang, Mohd Hazwan Enkana Abdullah, 57, melahirkan rasa kecawa kerana tidak dapat menunaikan umrah bersama isterinya selepas menabung sejak tujuh tahun lalu.

"Saya kesal dengan sikap wakil mereka yang memaksa saya menyelesaikan pembayaran penuh bagi mengelak isu tak diingini."

"Selepas bayaran penuh, lain pula jadinya apabila syarikat menunda tarikh umrah kami dan kini lesap."

"Saya sudah menjelaskan bayaran RM19,850 melalui pindahan wang dalam talian kepada akaun syarikat pada 10 November 2021 iaitu RM2,000 dan bakinya 11 Mac 2023," katanya.

Katanya, mereka mahu pihak berkuasa menyiasat kes itu dan mengheret pemilik syarikat berkenaan ke muka pengadilan kerana menipu serta melesapkan wang mereka.